

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN 'DEWAN HARAPAN' PEMADAM
Lokasi : JALAN LEDANG KUALA LUMPUR
Tarikh : 09-11-1987

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Megat Junid bin Megat Ayob, Yang di-Pertua PEMADAM Kebangsaan;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada PEMADAM yang telah sudi menjemput saya untuk hadir di Majlis ini dan memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata serta merasmikan 'Dewan Harapan' PEMADAM pada pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Semenjak bulan Jun tahun ini, saya telah berpeluang melawat beberapa buah negara asing dan juga berpeluang mengetahui rancangan-rancangan yang sedia ada di negara-negara tersebut mengenai rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah.

3. Di Vienna, Austria, di mana saya telah berpeluang mengetuai delegasi Malaysia dalam Forum NGO, yang disertai juga oleh 10 orang ahli PEMADAM, saya telah mendengar sendiri mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara asing dan rancangan-rancangan mereka untuk masyarakat, merawat, memulih dan mencegah wabak dadah.

4. Tidak dapat dinafikan bahawa usaha-usaha Kerajaan Malaysia membanteras wabak najis dadah jauh lebih maju daripada beberapa negara yang sama menghadapi masalah dadah. Yang istimewa ialah sikap serius Kerajaan terhadap masalah dadah dan penyelenggaraan undang-undang mengenai dadah, khasnya undang-undang di bawah seksyen 39-B. Ramai peserta menjadikan Malaysia sasaran mereka untuk menyoal dan mengkritik undang-undang tegas kita tetapi saya mendapati bahawa sesudah diberi keterangan yang lengkap kenapa dan mengapa Malaysia mesti mengadakan seksyen 39-B, kebanyakkan mereka telah memahami usaha-usaha Kerajaan itu dan menerima sebab-sebab yang diberi, malahan ada juga yang mengharapkan negara mereka sendiri akan mencontohi undang-undang Malaysia.

5. Selain daripada itu, ramai yang ingin tahu mengenai konsep Pusat Serenti di negara kita. Di London dan di Vancouver, detofikasi dan rawatan penagih-penagih dilakukan dalam pusat-pusat yang berasingan. Ini memerlukan masa, wang dan tenaga yang banyak dan kemungkinan besar penagih-penagih tidak menyempurnakan rawatan kerana terpaksa dilanjutkan pula ke pusat rawatan lain. Malaysia amatlah bernasib baik dengan adanya Pusat-Pusat Serenti di mana kesemua perkhidmatan rawatan dan pemulihan diberikan setempat.

6. Kita amat bertuah kerana masyarakat telahpun menerima kenyataan bahawa usaha Kerajaan perlu dibantu oleh semua lapisan masyarakat. Untuk menyedarkan hakikat ini sepanjang masa, adalah penting bagi masyarakat umumnya, ibu bapa, belia, pelajar-pelajar khasnya, diperingati selalu akan masalah dan bahaya najis dadah. Pendidikan Pencegahan adalah asas bagi menjauhi mereka yang belum terjerumus daripada menjadi mangsa. Dalam perkara inilah badan-badan sukarela dan agensi-agensi bukan Kerajaan banyak memainkan peranan masing-masing setakat kemampuan mereka.

7. PEMADAM, sebagai persatuan yang ulung dalam usaha mencegah dadah di negara ini, sudahpun ditubuhkan di setiap negeri. Ramai daripada para hadirin dan ahli-ahli PEMADAM memberi sumbangan

yang sangat bermakna kepada kesejahteraan rakyat dan negara ini. Saya berharap budi dan bakti ini akan terus ditaburkan dengan gigih, tabah dan sabar pada masa-masa akan datang.

8. Saya yakin PEMADAM akan dapat menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan pencegahan atau preventive education dan pemulihan lanjutan atau 'after-care' dengan lebih tekad lagi pada masa-masa akan datang. Pendidikan Pencegahan adalah sangat penting dan ia merupakan satu pendekatan jangka panjang untuk memerangi dadah. Tumpuan PEMADAM dalam kegiatan ini harus meliputi semua golongan, terutama di kalangan penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah, yang kini bilangan mereka adalah hampir 2.5 juta orang. Jika bilangan yang sebegitu ramai ini tidak kita tanamkan perasaan benci dan jijik terhadap najis dadah, maka anak-anak muda ini akan senang diresapi oleh najis dadah, yang mana akan melahirkan generasi yang lemah dan dhaif bagi bangsa dan negara.

9. Bagi pemulihan lanjutan pula, saya berharap ianya dapat berjalan dengan baik dan tersusun. Jika projek ini di laksanakan dengan jayanya, maka peratusan bekas-bekas penagih akan dapat dipertingkatkan daripada apa yang kita capai pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, 10. PEMADAM seringkali dilawati oleh berbagai-bagai badan dan tetamu, baik dari dalam ataupun luar negeri. Dengan terbinanya 'Dewan Harapan' ini, ianya akan dapat menampung tetamu dengan keadaan yang lebih selesa lagi. Carta-carta yang bersangkutan-paut dengan najis dadah boleh juga dipamerkan di dewan ini. Selain daripada tempat sumber makluman, dewan ini juga dapat menerima dan menampung segala bentuk mesyuarat dan aktiviti yang dilancarkan oleh PEMADAM.

11. Saya percaya dewan yang indah ini tidak akan terbina jika tidak ada sokongan daripada pihak swasta dan pihak-pihak perseorangan. Saya menyeru pihak-pihak perseorangan yang berada, serta firma-firma yang berkemampuan, untuk tampil ke hadapan menghulurkan derma bakti ke atas perjuangan yang mulia ini. Negara tanpa landaan najis dadah akan dapat melahirkan satu masyarakat yang sihat, kuat dan bertanggungjawab, serta pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang lebih efisien dan produktif.

12. Saya berharap ibu bapa akan memahami dengan jelasnya akan bahaya najis dadah dan bersama-sama berganding bahu untuk memerangi gejala ini, kerana usaha kita ini bukan sahaja akan menyelamatkan keluarga, masyarakat dan bangsa kita, tetapi akan juga dapat mewujudkan sebuah negara yang makmur, maju dan aman damai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Saya mengucapkan tahniah kepada PEMADAM atas binaan Dewan Harapan ini dan berharap ia akan digunakan dengan sepenuhnya.

14. Dengan harapan ini, dengan sukacitanya saya merasmikan Dewan Harapan PEMADAM ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.